



Ruj. Kami : KKM.S. 500-2/32/25 (33)

Tarikh : 14 Julai 2023

## SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

### URUSAN KENAIKAN PANGKAT BAGI SKIM PERKHIDMATAN PENYELIA ASRAMA GRED N26 DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber Manusia (BSM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan urusan kenaikan pangkat bagi skim perkhidmatan **Penyelia Asrama Gred N26** dan tawaran ini terbuka hanya kepada Penyelia Asrama Gred N22 yang sedang memegang Gred N26 mulai **19.12.2022**. Senarai nama pegawai yang telah dikenal pasti untuk dipertimbangkan dalam urusan ini adalah seperti di **Lampiran A**. Tawaran ini juga terbuka kepada pegawai yang telah memegang Gred N26 **melebihi enam (6) bulan tetapi tiada dalam senarai nama yang dilampirkan**.


3. Bagi melaksanakan urusan ini, dimohon kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan untuk mengemukakan maklumat sebagaimana yang diperlukan seperti perincian berikut:

- (a) **Cabutan Buku Rekod Perkhidmatan mulai 01 Januari 2022** : 1 salinan
- (b) **Borang NP(S) 8.2 Pindaan 2023** : 1 salinan
- (c) **Pengesahan Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) Tahun 2020, Tahun 2021, Tahun 2022 dan Laporan Nilai Prestasi Khas (LNPK) Tahun 2023** : 1 salinan



4. Sekiranya pegawai yang terlibat membuat penangguhan melaporkan diri dalam urusan pemangkuan ke Gred N26, dimohon agar mengemukakan sesalinan **surat kebenaran penangguhan** oleh Ketua Jabatan. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan tidak memperakukan kenaikan pangkat pegawai berkenaan, perakuan secara bertulis berserta salinan dokumen sokongan yang berkaitan perlu dikemukakan kepada BSM, KKM.

5. **Tarikh tutup permohonan** bagi urusan kenaikan pangkat ini adalah pada **18 Ogos 2023 (Jumaat)**. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan dalam memastikan semua dokumen adalah lengkap sebagaimana senarai semak di **Lampiran B** dan dikemukakan pada tarikh yang ditetapkan amatlah dihargai. Dimaklumkan juga surat edaran/ iklan dan borang berkaitan dengan urusan kenaikan pangkat ini boleh dimuat turun melalui portal rasmi KKM atau diakses melalui Kod Pautan Pantas (Kod QR) berikut:



6. Dokumen perakuan kenaikan pangkat bagi urusan ini hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

Bahagian Sumber Manusia  
Unit Naik Pangkat (Pelaksana)  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 9, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62590 W. P. PUTRAJAYA**  
(u.p.: Puan Roziah binti Zakaria)

7. Sukacita diingatkan juga dalam pertimbangan sesuatu urusan kenaikan pangkat, adalah menjadi tanggungjawab pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan untuk memastikan **perakuan Penyelia dan Ketua Jabatan dilaksanakan secara telus mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa**. Untuk makluman, LKP I KKM memandang serius perkara ini dan memutuskan agar surat teguran diberikan kepada mana-mana penyelia dan Ketua Jabatan yang membuat perakuan pemangkuan/ kenaikan pangkat yang tidak selari dengan prestasi semasa pegawai.

8. **Ketua Jabatan** juga **bertanggungjawab** memastikan **tindakan tatatertib** bagi pegawai yang mempunyai rekod Tidak Hadir Bertugas (THB) **telah selesai dilaksanakan**. Laporan tindakan tatatertib hendaklah dimaklumkan kepada urus setia dengan segera supaya urusan pengesahan kenaikan pangkat pegawai tidak terjejas.

9. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(RAJA SURIATI BINTI RAJA SULAIMAN)**

Bahagian Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia




## **SENARAI EDARAN**

- Pengarah  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
- Pengarah  
Hospital Kuala Lumpur
- Pengarah  
Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Kuala Lumpur
- Pengarah  
Institut Perubatan Respiratori
- Pengurus  
Institut Kesihatan Negara (NIH)
- Pengarah  
Institut Kanser Negara
- Pengarah  
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
- Pengarah  
Pusat Darah Negara
- Pengarah  
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
- Pengarah  
Pusat Pergigian Kanak-kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia

## LAMPIRAN B

### SENARAI SEMAK (*CHECKLIST*) BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT JAWATAN KUMPULAN PELAKSANA, KKM


Sila pastikan dokumen yang dihantar adalah lengkap dan disusun dengan kemas mengikut susunan berikut.

- |  | ADA                      | TIADA                    |
|--|--------------------------|--------------------------|
| 1. Borang NP(S) 8.2 Pindaan 2023<br>( <i>Muat turun melalui Kod QR berikut</i> )   | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| <br>BORANG NP(S)8.2.2023   |                          |                          |
| 2. Lampiran 1 – Pengesahan Markah LNPT 2020, 2021,2022<br>( <i>Sila sertakan salinan LNPT 3 tahun terakhir bagi mukasurat pertama yang memaparkan nama/maklumat pegawai dan mukasurat yang mengandungi jumlah markah keseluruhan LNPT sahaja</i> ) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 3. Salinan LNPK 2023   | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 4. Cabutan salinan Penyata Perkhidmatan pegawai yang mengandungi nama, jawatan (maklumat pelantikan serta pengesahan dalam perkhidmatan) dan catatan mulai Januari 2022 sehingga kini  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 5. Salinan surat kebenaran Ketua Jabatan (jika ada penangguhan lapor diri untuk pemangkuan)  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |

**SENARAI NAMA PEGAWAI YANG TERLIBAT DALAM URUSAN KENAIKAN PANGKAT  
BAGI PENYELIA ASRAMA GRED N22 KE GRED N26  
TARIKH PEMANGKUAN: 19.12.2022**

BIL	NAMA	TEMPAT BERTUGAS
1	AZNIYAH BINTI ABU SEMAN	ILKKM ( KEJURURAWATAN BERTAM)
2	ZARINA BINTI MUSTAPA	ILKKM ( SUNGAI BULOH )

**DISAHKAN OLEH :**

  
**NAMA :** ROZIAH BINTI ZAKARIA  
**JAWATAN :** Pembantu Tadbir Kanan  
Unit Naik Pangkat (Sokongan)  
**TARIKH :** Bahagian Sumber Manusia  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
14/07/2023